

11/10/2001

Kerajaan dijangka tumpu sektor pembuatan, pertanian

Badrila Jamlus

KERAJAAN dijangka akan terus memberi tumpuan kepada sektor pembuatan dan pertanian dalam usaha mengerakkan ekonomi negara berikutan situasi ekonomi semasa yang tidak menentu akibat serangan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Beberapa insentif bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta turut dijangka dikaji semula agar sektor itu lebih berdaya saing dalam pasaran global termasuk, insentif elaun pelaburan semula.

Ketika ini mana-mana syarikat yang membuat pelaburan untuk pemodenan dan mengembangkan operasi seperti pembelian mesin mendapat elaun sebanyak 60 peratus daripada jumlah perbelanjaan.

Bagaimanapun, kerajaan ketika ini hanya menetapkan had tempoh sehingga lima tahun sejak ia diperkenalkan empat tahun lalu dan tahun ini adalah tahun terakhir.

Pengarah Eksekutif Perkhidmatan Cukai, Arthur Andersen & Co, Dr Veerinderjeet Singh, berpendapat tempoh had itu perlu dikaji semula sama ada dilanjutkan atau diperluaskan kepada sektor lain.

Beliau berkata, galakan itu perlu diberi berdasarkan situasi ekonomi sekarang selain meningkatkan penggunaan mesin berteknologi tinggi dan jika insentif itu diberi, usaha sesebuah syarikat untuk mengembangkan operasi dapat dipercepatkan.

"Tumpuan kerajaan kepada sektor pembuatan bergantung kepada permintaan pasaran tetapi pasaran eksport dijangka menurun dan antara usaha yang boleh dilakukan ialah tidak bergantung sepenuhnya kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat atau Eropah.

"Dari segi keadaan ekonomi sekarang, kerajaan membelanjakan lebih banyak wang untuk pembangunan infrastruktur dan ini dapat memberi dorongan dari segi ekonomi dan permintaan tempatan," katanya dalam temubual dengan Berita Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Katanya, strategi kerajaan ialah cuba meningkatkan permintaan domestik dengan mengadakan beberapa projek meliputi pembinaan infrastruktur seperti sekolah dan hospital dengan mengurangkan penggunaan bahan import.

Beliau berkata, bahan mentah boleh diperolehi dari dalam negara dan ini dapat meningkatkan kegiatan ekonomi semasa sekali gus menggalakkan perbelanjaan rakyat.

Dr Veerinderjeet berkata, antara tumpuan yang boleh diberikan sektor swasta yang terbabit dengan eksport ialah meluaskan pasaran bukan tradisional seperti negara-negara Selatan dan Afrika.

Menerusi kaedah itu, katanya, produk dapat dipasarkan dengan lebih luas dan memberi peluang pelaburan pada masa depan.

Ketika ditanya mengenai belanjawan yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 19 Oktober ini, beliau berpendapat Belanjawan 2002 akan berbentuk defisit kerana perbelanjaan kerajaan akan melebihi daripada hasil kutipan tetapi defisit ini tidak akan melebihi kadar biasa.

"Bagaimana cara belanjawan ini boleh dibiayai ialah menerusi pinjaman kerajaan daripada punca domestik kerana kadar simpanan kita masih tinggi dan kerajaan boleh meminjam daripada institusi kewangan tempatan.

"Namun ini bergantung kepada situasi semasa ekonomi dunia dan keadaan dijangka stabil pada pertengahan tahun depan sebelum melihat pertumbuhan ekonomi pada penghujung 2003," katanya.

Ditanya sama ada terdapat sebarang pengurangan dalam cukai korporat dan

individu, beliau berkata, cukai korporat mungkin dikurangkan sebanyak satu peratus daripada 28 peratus sekarang dan diharap dalam tempoh beberapa tahun akan datang ia menurun sehingga 25 peratus.

Katanya, lebih rendah kadar cukai itu maka kita lebih berdaya saing dengan negara lain khususnya Singapura.

"Cukai pendapatan individu mungkin tidak banyak berkurangan kerana kadar maksimum yang dikenakan ialah 29 peratus dan ia mungkin hanya berkurangan sebanyak satu peratus.

"Sekiranya setiap kali cukai dikurangkan maka kutipan hasil kerajaan akan berkurangan dan mungkin kerajaan boleh menyelaraskan kadar itu bersama-sama dengan kadar cukai korporat," katanya.

Bagaimanapun, apa yang kerajaan boleh lakukan untuk meraih semula hasil pendapatan itu ialah dengan meluaskan skop cukai perkhidmatan yang meliputi lebih banyak perkhidmatan.

Selain itu, perbelanjaan pengguna perlu ditingkatkan seperti kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dikurangkan pada awal tahun ini patut dilanjutkan untuk tempoh satu tahun lagi.

Ketika ini, tempoh itu dijangka tamat menjelang Mac atau April tahun depan dan berpendapat tempoh itu perlu dilanjutkan untuk menggalakkan perbelanjaan pengguna.

Beliau berkata, kerajaan juga boleh mengkaji semula pelepasan cukai bagi individu sekarang iaitu RM8,000 sekarang kepada RM10,000.

Bagi memantapkan pentadbiran sistem percukaian pula, kaedah sistem taksiran sendiri bagi syarikat yang diperkenalkan perlu diberi kelonggaran untuk membuat pindaan tiga kali setahun bagi anggaran cukai yang mungkin perlu dibayar bagi tahun akan datang.

Mengikut peraturan yang ditetapkan Lembaga Hasil Dalam Negeri, pindaan hanya dibenarkan sekali setahun saja tetapi agak sukar dilakukan dalam keadaan situasi ekonomi yang lembap sekarang kerana ia bergantung kepada prestasi syarikat sama ada rugi atau untung.

(END)